

Masalah Bekalan Air Yang Tiada Noktah

Oleh: Ainin Sofiya Mohamad 1180255



Penduduk terpaksa mengisi air menggunakan botol-botol terpakai.

ALOR SETAR: Gangguan bekalan air mentah tidak berjadual di Pengkalan Kundur sejak awal Mac lalu, bukanlah pertama kali mengganggu penduduk setempat.

Menurut penduduk, isu masalah gangguan bekalan air sudah lama berlaku tetapi sejak kerajaan mengumumkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), keadaan itu semakin membimbangkan.

Ini kerana penduduk yang biasanya bekerja terpaksa berkurung di rumah mengakibatkan peningkatan penggunaan air di kalangan penduduk sekali gus menyebabkan gangguan bekalan air.

Setiausaha Badan Kebajikan dan Keselamatan Taman Desa Kamela, Mohamad Abd Rahman berkata, masalah air ini dipercayai berpunca daripada pembangunan kawasan perumahan yang pesat di kawasan sekitarnya sehingga mengakibatkan sumber air yang dibekalkan tidak mencukupi.



Mohamad ketika ditemu bual mengenai hal ini.

“Kapasiti penduduk yang bertambah tidak seimbang dengan bekalan air dan juga sistem perbekalan air yang sudah lama dan usang antara yang menjadi punca masalah gangguan bekalan air ini,” katanya ketika ditemu bual.

Pengerusi Surau Al-Iman Taman Desa Kamela, Suhaimee Ayub berkata, institusi seperti rumah ibadat juga antara kawasan yang turut terjejas dan pihaknya turut menggalakkan para jemaah berwudhu di rumah sebelum datang berjemaah di surau.



Kelihatan penduduk sedang mengisi air ke dalam bekas simpanan.

Turut terjejas ialah penduduk daripada kalangan pelajar yang sedang menjalani kelas atas talian sejak mac lalu seperti Dini Syahirah Zamri, 21, penuntut dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

“Apabila ketiadaan air ini, saya sebagai pelajar tidak dapat mandi sebelum memulakan kelas terutamanya di waktu pagi, jadi berasa tidak segar untuk memulakan kelas,” katanya.

Harapannya, pihak yang berkenaan mengambil berat dan lebih cakna berhubung isu masalah gangguan bekalan air ini.